

# **BILAL “MU’AZZIN AL-RASŪL”**

## **FILEM YANG BERDASARKAN SEJARAH ISLAM**

Tidak lama lagi umat Islam di Tanah Melayu termasuk Singapura dan Borneo akan berpeluang menonton filem “Bilāl” sebuah filem yang berdasarkan sejarah Islam dan tinggi nilainya; Baik tentang isi ceritanya, lakonannya tekniknya dan kesan-kesannya yang menghidupkan roh dan semangat Islam.

Sebagai panduan, dan untuk menambahkan pengetahuan tentang riwayat hidup “Bilāl Bin Rabāḥ” sahabat nabi yang terbilang ini, penerbit Qalam telah menerbitkan buku “Bilāl, tukang bang Rasūlullāh”, sebuah buku yang menceritakan riwayat hidupnya dari hari zahirnya hingga hari wafatnya, lengkap dan menarik, berhias dengan 12 gambar dari filemnya.

Lebih lanjut tataplah apa kata Tuan Za’ba pendeta Bahasa Melayu yang terkenal tentang mutu filem Bilāl yang bersejarah ini:

“Setelah melihat filem ini pada petang hari Sabtu 3 Mac 1956, saya merasa cukup puas hati. Lakonannya cekap, baik bagi tiap-tiap seorang yang berlakon itu – dari budak yang jadi Si Bilāl masa kecilnya hingga kepada orang tua lintah darat yang meminjamkan wang dengan mengambil bunga besar itu, dan hingga kepada orang-orang kayanya.

“Gambaranya baik dan terang, bahasanya bahasa Arab cara surat yang tinggi. Apabila dimelayukan hendaklah dengan bahasa surat yang tinggi pula. Ayat-aya Qurān dan hadis-hadisnya tinggalkan dalam bahasa Arab juga tetapi berilah makna Melayunya oleh satu suara Melayu pula.

“Hal-hal yang digambarkan oleh filem ini sungguh membetuli adat rasmi dan kepercayaan serta cara-cara

kehidupan orang Arab yang sebenar masa dahulu – iaitu bangsa kepada hamba sahaya, sentiasa tamakkhan harta dan kekayaan, bodoh tentang perkara-perkara terhadap berhala dan ketuhanan, makan minum segala hamba sangat miskin dan susah, tidur pun tak tinggal ketayap dan serban, kesusahan hidup di padang pasir, minum arak suatu perkara biasa di antara orang-orang yang berada dan senang.

“Tetapi yang terutama sekali bagusnya ialah tentang yang menunjukkan keteguhan iman Bilāl dan orang-orang yang mula-mula menerima islam dan peri murah hati Saydina Abū Bakr dan Bilāl sendiri pun. Segala seksaan yang ditimpakan ke atas Bilāl itu membangkitkan sedih, hiba, dan insaf kepada penonton-penonton sekalian.

“Tujuan filem itu tentulah baik dan mulia –

sekurang-kurangnya boleh jadi penarik dan penyeru menjagakan ingatan penonton-penonton kepada perasaan agama yang bersih dan suci murni seperti yang diajarkan oleh agama Islam dari asalnya”.

Demikian kata Tuan Za’ba.

Al-Ustaz Muhammad Taha Sahīmī yang juga telah menonton filem Bilāl ini di Singapura dan Mesir, berkata antara lain:

“Sebenarnya, filem ini saya sudah pun menontonnya waktu saya ada di Mesir dahulu. Memadailah dengan ringkasnya saya sebutkan bahawa boleh dikatakan hampir-hampir semua orang-orang Mesir yang menonton filem telah menangis kerana riang dan bangga! Betapa tidak, kerana riwayat hidup beliau itu penuh dengan contoh tauladan yang gilang-gemilang yang sangat-sangat memberi kesan kepada jiwa: Menguatkan iman,

menambahkan semangat dan meninggikan adab perangai. Segala hal yang disebut itu ada ditunjukkan dengan sedapat-dapatnya di dalam filem ini.

“Bukan itu sahaja, bahkan pelakon-pelakon yang mengambil bahagian dalam filem itu cukup mahir serta tepat melakonkan bahagian masing-masing. Tambahan pula gambarnya terang dan susunan riwayatnya mudah difaham. Pendeknya filem cukup memuaskan.

“Sayogialah saya berkata bahawa perbuatan Tuan H. H. Shah memasukkan filem ke Singapura dan Malaya sangat-sangat dibanggakan.

“Filem layak ditonton oleh segala peringkat; Kanak-kanak dan orang dewasa, lelaki dan perempuan, bahkan oleh ‘ālim ulama, dan mereka itu kesemuanya memuji-muji filem ini.”

## DARI SEBULAN KE SEBULAN

(tambahan dari muka 30)

Perhimpunan merdeka Singapura yang dianjurkan oleh Barisan Buruh (Tuan Marshall) pada 18 Mac yang lalu di padang terbang Klang Singapura berkesudahan dengan terjadinya rusuhan-rusuhan. Sebelum rusuhan-rusuhan itu berlaku maka pemuda-pemuda Cina dikatakan banyak yang membuat kelakuan-kelakuan yang membakar orang-orang polis yang mengawal keamanan di situ sehingga kawannya ada yang membuka seluar.

Sesudah berlaku rusuhan-rusuhan itu maka di dalam akhbar-akhbar tempatan, telah banyak bidasan-bidasan umum mencela langkah-langkah segera merdeka itu sedang dalam masa menulis ini

Harian Melayu tempatan senyap. Di dalam akhbar-akhbar Inggeris

banyak memperingatkan bencana yang harus berlaku sedang yang lain sebaliknya.

Melihat keadaan seperti itu banyak orang berfikir bahawa sekiranya merdeka dengan segera nanti harus keadaan tidak tergaul sebab sedangkan belum merdeka lagi – dan baharu-baharu orang-orang merdeka sahaja sudah boleh orang mengadakan rusuhan di hadapan khalayak yang ramai apalagi kalau merdeka. Sebab itu mereka memandang berlatih dahulu mentadbir negara baharu merdeka lebih baik daripada belum berlanjur terus berlari. Selain daripada itu cita-cita merdeka itu pula (khususnya dalam minggu merdeka) langkah-langkah anti British dihidupkan pada hal dikehendaki penyerahan itu dilakukan dengan aman. Sepatutnya berkepala dingin kan lebih baik Tuan Marshall?